

IMPAK PANDEMIK COVID-19 TERHADAP KOMUNITI LUAR BANDAR: KAJIAN KES DI KG TERIAN, PENAMPANG SABAH

THE IMPACTS OF COVID-19 PANDEMIC ON RURAL COMMUNITY: A CASE STUDY IN KG TERIAN, PENAMPANG, SABAH

Ubong Imang^{1*}
Dayang Suria Mulia²
Jurry Foo³
Jalihah Md Shah⁴

¹Faculty Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) Malaysia,
(E-mail: ubong@ums.edu.my)

²Faculty Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) Malaysia,
(E-mail: dshm99@ums.edu.my)

³Faculty Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) Malaysia,
(E-mail: jurryfm@ums.edu.my)

⁴Faculty Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) Malaysia,
(E-mail: jalihah@ums.edu.my)

*Corresponding Author

Article history

Received date : 01-07-2021
Revised date : 16-08-2021
Accepted date : 30-09-2021
Published date : 31-10-2021

To cite this document:

Imang, U., Mulia, D. S., Foo, J., & Shah, J. M. (2021).
Impak Pandemik Covid-19 Terhadap Komuniti Luar
Bandar: Kajian Kes Di Kg Terian, Penampang Sabah.
*Journal of Islamic, Social, Economics and
Development (JISED)*, 6(40), 73 - 83.

Abstrak: *Pandemik COVID-19 telah mencetuskan kerisauan dalam kalangan masyarakat dunia dan turut menimbulkan pergolakan sosial dan ekonomi merentas negara. Walaupun daripada kajian lepas jelas menunjukkan kesan pandemik COVID-19 berbeza antara tempat, namun perhatian masih kurang diberikan kepada isu kesan pandemik COVID-19 terhadap komuniti luar bandar sehinggakan tidak banyak maklumat yang dapat membantu untuk memahami bagaimana pandemik COVID-19 mempengaruhi penduduk dan kawasan luar bandar. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk meneliti kesan pandemik COVID-19 terhadap komuniti luar bandar dengan memberi fokus kepada aspek pergerakan penduduk dan kesannya kepada aspek sosial dan ekonomi. Kampung Terian, Penampang Sabah diambil sebagai kawasan penelitian. Data diperolehi melalui dua teknik iaitu temubual berdasarkan borang soal selidik dan temubual separa berstruktur. Dapatan kajian mendapati sungguhpun kampung Terian terletak jauh dari pusat bandar dan secara relatifnya terpencil dari kampung-kampung lain, namun penduduk kampung tetap terkesan daripada pandemik COVID-19. Pergerakan mereka menjadi terhad susulan perlaksanaan kawalan pergerakan yang dilaksanakan secara berfasa oleh kerajaan. Oleh yang demikian aktiviti ekonomi dan sosial turut terjejas. Sungguhpun begitu, ramai daripada responden kajian berpendapat bahawa kesan pandemik COVID-19 di peringkat sederhana memandangkan sebilangan besar dari*

kalangan penduduk bekerja sendiri dan masih boleh bergantung kepada sumber hutan, sungai dan hasil pertanian untuk menyara keperluan harian keluarga.

Kata Kunci: *Pandemik COVID-19; Kesan; Komuniti Luar Bandar; Sabah*

Abstract: *The COVID-19 pandemic has caused concern among world community and also resulted in social and economic unrest throughout the country. Even though past research has clearly shown that the effects of the COVID-19 pandemic vary between places, however there is still a lack of attention being directed to the issue of the effects of the COVID-19 pandemic toward the rural communities which resulted in not much information that has been obtained that could help to understand how the COVID-19 pandemic has affected the people and places in rural areas. With that, the aim of this article is to examine on the effect of the COVID-19 pandemic toward rural communities by bringing focus toward the mobility aspect of the population and the effect toward the social and economic aspect. Kampung Terian, Penampang Sabah was taken as the area of research. The data was obtained via two techniques which are interviews based on questionnaires and semi-structured interviews. The findings of the research show that though Kampung Terian is located far from the city centre and is isolated from other kampungs, the people of the kampung were still affected by the Covid -19 pandemic. Their movements were restricted because of the implementation of the movement control order in phases by the government. As a result, economic and social activities were also affected. Nevertheless, many of the research respondents were of the opinion that the effects of the COVID-19 Pandemic were at a moderate level since a large number of the people of the kampung were self-employed and could still rely on resources from the forest, river and agricultural produce to provide daily necessities for their respective families.*

Keywords: *Pandemic COVID-19; Impact; Rural Community; Sabah*

Pengenalan

Pandemik tidak mengenal sempadan negara, negeri mahupun daerah. Secara umumnya, pandemik bermaksud wabak penyakit yang tersebar dengan begitu meluas dan pantas merentasi sempadan, malah hingga ke seluruh pelusuk dunia (Morse, 1995). Kajian menunjukkan bahawa kemunculan pandemik semakin meningkat dalam abad ini disebabkan peningkatan pergerakan dan integrasi global, perbandaran dan perubahan guna tanah yang pesat dan berlaku pengeksplovasian besar-besaran ke atas sumber alam (Jones et al., 2008; Morse, 1995). Selain itu, penularan sesuatu pandemik juga semakin cepat. Peningkatan kecekapan dalam pengangkutan global dan komunikasi, densiti kependudukan yang tinggi, peningkatan ruangan padat dengan aktiviti dan sesak dengan manusia di kebanyakan negara dan tujuan pergerakan manusia yang pelbagai adalah antara faktor penyumbang kepada kepantasan penularan sesuatu pandemik seperti COVID-19 merentas sempadan negara dunia (WHO, 2008; Morse, 1995).

Pandemik yang disebabkan oleh virus influenza baru seperti koronavirus misalnya, mengambil masa kurang dari tiga bulan sejak dikesan di Wuhan, China merebak ke seluruh pelusuk dunia. Pada 30hb Januari 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan COVID-19 sebagai Kecemasan Kesihatan Awam yang Menjadi Kepentingan Antarabangsa (PHEIC) (WHO, 2020a). WHO sekali lagi pada 11hb Mac 2020 membawa COVID-19 ke perhatian masyarakat antarabangsa dengan mengisytiharkan COVID-19 sebagai pandemik (WHO,

2020b). Pengistiharan oleh WHO ini memberi penegasan kepada masyarakat antarabangsa bahawa penularan dan keadaan wabak COVID-19 adalah teruk dan sangat membimbangkan.

Umumnya, kawasan bandar berdepan dengan penularan pandemik COVID-19 yang tinggi kerana padat dengan aktiviti ekonomi dan sosial yang melibatkan pertembungan dan perkongsian ruang antara ramai orang. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna kawasan luar bandar terlepas dari resiko penularan pandemik COVID-19. Kadar penularan pandemik COVID-19 di kawasan luar bandar tidak dinafikan masih jauh lebih rendah berbanding di kawasan bandar walau pandemik COVID-19 telah berpanjangan lebih dari setahun sejak mulai dikesan namun, kebimbangan mulai nyata dalam kalangan pemerintah negara dunia termasuklah Malaysia apabila trend penularan pandemik COVID-19 telah jelas di kawasan pinggir bandar, malah juga mula menyusup ke kawasan luar bandar di bahagian paling pedalaman. Kekurangan dalam serba serbi yang dihadapi oleh kawasan luar bandar seperti tahap sosio-ekonomi yang rendah, aksesibiliti kepada kemudahan kesihatan, komunikasi dan perhubungan yang terhad menjadi asas kepada kebimbangan ini. Kekurangan dalam soal aspek tersebut boleh membataskan respon dan ketahanan kawasan luar bandar dan penduduknya dalam berdepan dengan pandemik COVID-19.

Oleh kerana pandemik COVID-19 seolah-olah tidak berpenghujung dan kadar penularannya pula cepat, maka wujud keperluan untuk memahami situasi komuniti luar bandar dalam berdepan dengan pandemik COVID-19. Selain sifat penularan pandemik COVID-19 yang membimbangkan, langkah yang diambil oleh kerajaan dalam membendung penularan pandemik COVID-19 seperti pelaksanaan perintah kawalan pergerakan penuh dan separa penuh, pengisytiharan darurat, penutupan sektor ekonomi dan sosial sudah tentu secara langsung dan tidak langsung akan mempengaruhi rutin harian dan pola pergerakan penduduk. Sehubungan itu, tujuan artikel ini adalah untuk menilai pola pergerakan harian komuniti di kawasan luar bandar semasa pandemik COVID-19 dan sejauhmana ia berubah akibat pandemik COVID-19. Akhirnya, perbincangan dalam artikel ini difokuskan kepada kesan pola pergerakan yang terbentuk semasa pandemik COVID-19 kepada penghidupan harian komuniti di kawasan luar bandar termasuklah dari aspek ekonomi dan juga aspek sosial mereka.

Pandemik dan Komuniti Luar Bandar

Peringkat awal penularan pandemik COVID-19 memperlihatkan tumpuan media dan kajian yang dijalankan oleh para sarjana memberi fokus kepada kawasan bandar. Tumpuan berat kepada kawasan luar bandar dari semua pihak tidak menjadi tanda soal kerana kawasan bandar hakikatnya dikenalpasti sebagai kawasan yang berisiko tinggi jangkitan COVID-19 ekoran tingkat dentisi kependudukan kawasan bandar yang tinggi dan perkongsian serta pertembungan ruang yang padat dalam kalangan penghuni bandar. Sebaliknya di kawasan luar bandar iaitu, jarak fizikal yang jauh dari kawasan tumpuan, terpencil secara relatif dari segi letakan dan berkepadatan penduduk yang rendah memberi kelebihan kepada kawasan luar bandar dalam berhadapan dengan pandemik. Sungguhpun begitu, dalam konteks penularan pandemik COVID-19 dan kepantasannya merebak, kawasan luar bandar dilihat tidak terkecuali dari berdepan dengan resiko penularan pandemik COVID-19 seperti mana yang berlaku di kawasan bandar. Malah, ramai pengkaji berpendapat keadaan penularan dan kesan pandemik COVID-19 di kawasan luar bandar boleh jadi lebih teruk daripada kawasan bandar sekiranya penularan pandemik ini tidak dapat dikawal dengan berkesan terutamanya bagi kawasan yang tidak mempunyai sistem kesihatan yang baik dan sebahagian komunitinya mempunyai tahap sosio-ekonomi yang rendah. Misalnya, Ranscombe (2020) dan Nash (2020) berpendirian bahawa

kawasan luar bandar adalah kawasan berisiko penularan pandemik COVID-19. Ini adalah kerana, sejarah penularan pandemik menunjukkan bahawa walaupun penularan pandemik seringkali bermula dari kawasan pusat bandar, namun penularan akan terus berlaku ke kawasan luar bandar khususnya melalui laluan perhubungan yang kemudiannya boleh mengakibatkan bilangan mortaliti yang tinggi disebabkan kekurangan kemudahan kesihatan, tahap kefahaman komuniti dan kesempaian mereka kepada maklumat penting pencegahan jangkitan adalah terhad di kawasan luar bandar.

Umumnya, Virus COVID-19 disebarkan melalui titisan cecair yang terhasil dari percikan air liur ketika bercakap atau batuk. Oleh yang demikian, selain memupuk kesedaran dalam kalangan masyarakat untuk memastikan mereka mengamalkan penjarakan sosial, respon kebanyakan negara dunia menangani penularan pandemik COVID-19 adalah dengan mengawal dan membataskan pergerakan penduduk terutamanya dengan melaksanakan *total lockdown* dan perintah kawalan pergerakan separa lockdown secara berfasa. Langkah mengawal dan membataskan pergerakan penduduk ini dilihat memberi impak tertentu khususnya dari aspek ekonomi dan sosial kepada semua lapisan masyarakat termasuk yang tinggal di kawasan luar bandar.

Telah banyak kajian dijalankan oleh pengkaji yang mengesahkan bahawa pandemik seperti COVID-19 sememangnya mendatangkan pelbagai impak kepada komuniti luar bandar. Kajian oleh Hirsch (2006), Chan et al., (2006) dan Hirsch (2004) misalnya mengetengahkan tentang hubungan pandemik dengan kemungkinan peningkatan kepada insiden bunuh diri dan masalah kesihatan mental lain dalam kalangan komuniti luar bandar. Selain itu, kawasan luar bandar juga dikatakan cenderung mencatat rekod mortaliti yang tinggi akibat dari pandemik. Ini adalah kerana mengikut Newman (2020) kebanyakan yang tinggal di kawasan luar bandar adalah dari kalangan orang yang sudah berumur, berpenyakit dan mempunyai aksesibiliti yang terhad kepada kemudahan kesihatan.

Selain krisis kesihatan, pandemik turut mempengaruhi rutin kehidupan komuniti. Kajian oleh William et al., (2020) mendapati kekerapan pergerakan oleh komuniti bandar dan luar bandar untuk tujuan rekreasi dan jarak perjalanan untuk tujuan yang sama berkurangan dengan signifikan sekali sepanjang tempoh pandemik COVID-19. Mohsin et al., (2021) pula menegaskan bahawa pandemik COVID-19 telah menjejaskan kesihatan, psikologi dan pendapatan komuniti luar bandar di Sichuan, China yang mereka kaji. Manakala di luar bandar Amerika, impak yang sama turut dialami oleh komuniti luar bandar di negara itu. Misalnya, kajian oleh Mueller et al., (2021) mendapati impak pandemik COVID-19 kepada komuniti luar bandar adalah teruk dengan memberi impak negative yang signifikan ke atas kadar pengangguran, kepuasan hidup, kesihatan mental dan keadaan ekonomi. Melalui kajian mereka, didapati juga bahawa impak yang dikenalpasti adalah konsisten merentas umur, etnik, pendidikan dan jantina.

Penularan pandemik COVID-19 juga berpotensi mengakibatkan komuniti luar bandar terus mencatat kadar kemiskinan yang tinggi. Kajian oleh Luo et al., (2020) misalnya mendapati, 23 peratus daripada komuniti luar bandar di wilayah Hubei, China yang telah didaftarkan sebagai isirumah miskin di China berpendapat mereka akan kembali miskin disebabkan oleh pandemik COVID-19. Manakala bagi komuniti luar bandar yang tidak pernah didaftarkan sebagai isirumah miskin pula, 7.1 peratus melihat mereka akan jatuh miskin sekiranya pandemik COVID-19 berterusan. Halangan untuk kembali kepada pekerjaan di luar sektor

pertanian disebabkan oleh pandemik COVID-19 adalah faktor yang dikenalpasti mempengaruhi persepsi ketua isirumah yang dikaji. Selain itu, kajian lepas juga membuktikan bahawa wujud perbezaan antara pengetahuan, sikap, amalan komuniti di bandar dengan luar bandar berdepan dengan pandemik COVID-19. Walaupun kajian oleh Yue et al., (2020) mendapati komoniti bandar dan luar bandar mempunyai sikap positif dalam berdepan dengan pandemik COVID-19 namun, kajian mereka mendapati bahawa komuniti di bandar lebih baik dari segi amalan mencegah jangkitan pandemik COVID-19 berbanding komuniti luar bandar. Ini ada kaitannya dengan kadar literasi kesihatan komuniti bandar yang tinggi dan pendedahan mereka yang baik kepada kempen dan ceramah kesihatan. Manakala, sebaliknya bagi komuniti luar bandar iaitu, mempunyai tingkat pendidikan yang rendah, ketinggalan dalam perkhidmatan kesihatan, tidak sangat terdedah kepada kempen kesihatan. Jelas melalui perbincangan kajian lepas ini menunjukkan kawasan luar bandar sememangnya terdedah secara langsung kepada impak pandemik COVID-19 dari semua segi iaitu, sama ada dalam aspek kesihatan mahupun impak yang terkait dengan penghidupan harian. Selain itu, pengetahuan dan literasi kesihatan yang rendah juga turut mempengaruhi keupayaan komuniti luar bandar berdepan dengan pandemik COVID-19.

Metodologi Kajian

Pendekatan utama kajian ini adalah kuantitatif. Kajian lapangan dijalankan pada bulan Mac 2021. Seramai 31 orang responden dilibatkan dalam kajian temubual berdasarkan borang soal selidik yang dibentuk untuk mendapatkan data berkaitan dengan pola pergerakan dan kesan perubahannya akibat daripada penularan pandemik kepada penghidupan harian komuniti di kawasan luar bandar termasuklah dari aspek ekonomi dan juga aspek sosial mereka. Responden kajian terdiri ketua keluarga yang menetap di kawasan kajian. Selain temubual berdasarkan borang soal selidik, kajian ini turut menjalankan temubual separa berstruktur dengan dua ahli Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) untuk mendapatkan pendapat menggambar keseluruhan tentang pola pergerakan komuniti dalam tempoh pandemik COVID-19 khususnya apabila perintah kawalan pergerakan dilaksanakan. Temubual separa berstruktur dengan dua wakil MPKK dirakam dan ditranskripkan dalam bentuk teks bertulis untuk membolehkan intipati temubual dapat difahami dengan mudah dan boleh digunakan untuk menyokong dapatan data kuantitatif. Data sekunder daripada laporan agensi kerajaan seperti Pejabat Daerah Penampang dan sumber data lain seperti surat khabar dan media massa turut dirujuk untuk tujuan mendapatkan perkembangan semasa khususnya tentang isu penularan COVID-19 di kawasan kajian dan kawasan sekitar.

Kawasan Kajian

Kawasan luar bandar Sabah adalah fokus kepada perbincangan dalam artikel ini. Namun untuk tujuan penelitian dan perbincangan lebih terperinci, satu kawasan kajian dipilih. Kawasan kajian yang dipilih adalah Kampung Terian yang terletak lebih kurang 40 kilometer dengan perjalanan sekitar 2 jam dari Kota Kinabalu. Kampung Terian boleh dihubungi daripada Kota Kinabalu melalui jalan darat yang sebahagiannya masih jalan tanah merah. Jalan perhubungan ke kawasan kajian sukar dilalui apabila musim hujan walaupun untuk kenderaan pancuan 4 roda berkuasa tinggi. Jalan perhubungan pada musim hujan akan berlumpur dan terdapat dua batang anak sungai yang terpaksa direntas untuk sampai ke kawasan kajian. Justeru itu, ada kala jalan perhubungan ke kawasan kajian tidak dapat dilalui selepas hujan lebat. Pekerjaan utama penduduk kawasan kajian adalah bercucuk tanam pelbagai tanaman termasuk padi, halia, sayur-sayuran, jagung dan ubi. Penduduk di kawasan kajian juga menanam getah namun, masih ada yang belum matang untuk ditoreh sepenuhnya. Selain itu penduduk di kawasan kajian juga

turut menjalankan aktiviti menternak ayam kampung dan ternakan yang lain. Kawasan kajian masih dikelilingi hutan, mempunyai sungai yang masih belum tercemar dan bersempadan Taman Banjaran Croker. Oleh yang demikian, tidak hairan sebahagian daripada penduduk di kawasan kajian masih lagi bergantung kepada sumber sungai dan hutan untuk kelangsungan hidup mereka. Kawasan kajian turut dilengkapi dengan kemudahan seperti klinik, tadika, sekolah rendah dan dewan komuniti.



Gambar 1: Dewan Komuniti.



Gambar 2: Klinik Kesihatan

Impak Pandemik COVID-19 terhadap Komuniti Luar Bandar, Sabah

Di Malaysia, kebanyakan langkah pembendungan penularan pandemik COVID-19 yang diambil oleh kerajaan khususnya *lockdown* dan kawalan pergerakan, dilaksanakan secara menyeluruh satu negara. Walaupun ada ketika langkah kawalan pergerakan dilaksanakan mengikut sempadan tertentu seperti negeri dan juga daerah berdasarkan kadar jangkitan dan fasa kawalan pergerakan yang ditetapkan pada satu-satu masa namun, kawasan luar bandar tidak dilihat sebagai kawasan yang terasing dari bandar malah terangkum sekali mengikut sempadan kawalan pergerakan yang ditetapkan walaupun kadar penularan pandemik COVID-19 di kawasan luar bandar jauh lebih rendah berbanding di kawasan bandar. Langkah yang diambil ini dilihat telah meletak kawasan luar bandar turut menerima impak seperti mana di kawasan bandar walaupun kadar penularan pandemik COVID-19 setakat ini masih lagi jauh lebih rendah berbanding di kawasan bandar.

Pengetahuan Tentang Pandemik COVID-19

Berdasarkan temubual dengan informan dari kawasan kajian, setakat kerja lapangan untuk tujuan kajian ini dijalankan, tidak ada jangkitan COVID-19 dikesan di kampung mereka. Walau bagaimanapun, komuniti di kawasan kajian tetap berdisiplin dalam mematuhi pelaksanaan kawalan pergerakan yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam membendung penularan pandemik COVID-19. Berdasarkan data yang diperolehi daripada borang soal selidik, sebahagian besar daripada responden (87.1 peratus) mempunyai pengetahuan tentang langkah perintah kawalan pergerakan yang diambil oleh kerajaan. Oleh yang demikian tidak hairan bila sebahagian besar daripada responden (93.5 peratus) juga mengetahui negara sedang berdepan dengan pandemik COVID-19 dan mempunyai pengetahuan bagaimana COVID-19 merebak. Dapatan ini selari dengan tindakan yang diambil oleh barisan kepimpinan kampung yang telah meletakkan papan tanda larangan bagi orang luar termasuklah pelawat dan agensi kerajaan masuk ke kampung mereka dalam tempoh kerajaan melaksanakan perintah pergerakan.

Kawasan kajian terletak agak jauh dari pusat bandar dan talian internet tidak stabil. Namun begitu, hampir separuh (45 peratus) daripada responden mengatakan bahawa media sosial seperti Whatsapp dan Facebook adalah sumber maklumat utama untuk mereka dapatkan perkembangan tentang pandemik COVID-19. Sumber utama lain adalah sumber lisan dari ahli keluarga ahli keluarga atau rakan (25.8 peratus), pemimpin kampung (16.1 peratus) dan televisyen (12.9 peratus) dan suratkhbar (3.2 peratus).

Pola Pergerakan Komuniti Semasa Pandemik COVID-19


Pola pergerakan komuniti luar bandar di kawasan kajian sebelum pandemik COVID-19 dengan semasa pandemik COVID-19 sangat berbeza. Mengikut informan yang ditemubual, sebelum pandemik COVID-19, pergerakan komuniti di kawasan kajian hanya dibataskan oleh wang ringgit. Maksudnya, mereka bebas untuk bergerak melakukan aktiviti ekonomi dan sosial mereka dalam kampung dan sekitarnya. Pergerakan ini termasuklah juga bergerak keluar ke pekan atau bandar untuk pelbagai tujuan seperti melawat ahli keluarga, lawatan ke pusat kesihatan, bersosial atau berekreasi dan menjual hasil pertanian yang diusahakan. Semasa pandemik COVID-19, walaupun tiada jangkitan COVID-19 dicatat di kampung dan sekitarnya, komuniti di kawasan kajian perlu mematuhi perintah kawalan pergerakan. Fasa pertama yang melibatkan *total lockdown* antara 18 Mac 2020 – 3 Mei 2020 adalah tempoh yang paling sukar kepada komuniti di kawasan kajian. Pergerakan mereka terbatas dalam sempadan kampung. Aktiviti harian yang dapat dijalankan pada masa ini juga sangat terhad. Kebanyakannya aktiviti berkisar sekitar rumah seperti membersihkan kawasan rumah dan menanam sayur-sayuran untuk keperluan keluarga. Mereka hanya turun ke kebun jika perlu terutamanya untuk tujuan membersihkan kebun. Ada responden yang mengambil keputusan untuk bermalam di kebun getah untuk mengelakkan pergerakan ulang alik yang kerap. Aktiviti pertanian yang mendatangkan sumber ekonomi kepada komuniti di kawasan kajian seperti menanam lada, halia dan sayuran terpaksa dihentikan seketika kerana khuatir hasil tidak dapat dijual sekiranya tempoh *total lockdown* berpanjangan.

Apabila kerajaan melaksanakan kelonggaran perintah kawalan pergerakan secara berfasa mulai 4 Mei 2020 iaitu, fasa perintah kawalan pergerakan bersyarat (PKPB) dan perintah kawalan pergerakan pemulihan (PKPP), komuniti di kawasan kajian belum boleh menarik nafas yang lega kerana masih terikat dengan SOP pergerakan yang dilaksanakan oleh kerajaan. Mengikut informan yang ditemubual, komuniti kampung dalam tempoh ini telah dapat melakukan aktiviti harian mereka seperti turun ke ladang dan menanam tanaman untuk dijual. Namun begitu, masih belum dapat menjalankan aktiviti tersebut bersama komuniti kampung yang lain. Mereka juga telah boleh keluar ke pekan atau bandar tetapi berbuat demikian jika hanya perlu terutamanya apabila ada penduduk kampung yang kehabisan barang keperluan harian seperti garam, gula, minyak masa, beras dan keperluan lain.

Kesan Perubahan Pola Pergerakan Komuniti Luar Bandar Semasa Pandemik COVID-19

Pandemik COVID-19 memberi impak kepada komuniti di luar bandar dalam konteks kawasan kajian ini apabila pergerakan mereka dikawal dan dihadkan. Kesemua 31 responden yang ditemubual melalui borang soal selidik bersetuju bahawa perintah kawalan pergerakan yang dilaksanakan oleh kerajaan tanpa mengira fasa kawalan pergerakan memberi gangguan kepada aktiviti sosio-ekonomi dan rutin harian diri dan keluarga mereka. Walaupun ada kelonggaran pergerakan dalam fasa PKPB dan PKPP namun, responden masih berpendapat pergerakan mereka dalam menjalankan aktiviti sosio-ekonomi masih terbatas kerana ada SOP yang perlu

dipatuhi. Berdasarkan senarai maklum balas daripada 31 orang responden, impak penularan pandemik COVID-19 dalam aspek ekonomi komuniti boleh dibahagikan kepada lima iaitu, banyak masa terbuang, hilang pendapatan, harga barang naik, kegiatan ekonomi terganggu dan pendapatan berkurangan. Seperti yang dibincangkan dalam bahagian sebelum ini, sepanjang tempoh fasa *total lockdown* responden hanya duduk di rumah dan melakukan aktiviti sekitar rumah seperti membersihkan dan menanam tanaman untuk keperluan keluarga dan tidak untuk jualan. Mereka hanya turun ke kebun sekiranya perlu terutamanya untuk tujuan kerja pembersihan. Keterbatasan pergerakan ini mengganggu kegiatan ekonomi yang seterusnya mempengaruhi tingkat pendapatan mereka. Ini dapat dijelaskan melalui Jadual 1 yang menunjukkan lebih dari 70 peratus (77.4 peratus) responden bersetuju bahawa pandemik COVID-19 telah menjejaskan pendapatan mereka dan hanya kurang dari 10 peratus yang tidak bersetuju.




Rajah 1: Peratusan Responden Bersetuju Pandemik COVID-19 Menjejaskan Pendapatan

Manakala berdasarkan senarai maklum balas responden, komuniti luar bandar juga berdepan dengan impak sosial. Misalnya, ada responden yang mengakui mereka tertekan akibat hilang pendapatan. Walau bagaimanapun, hal ini melihatkan sebilangan kecil daripada responden. Ini adalah kerana mereka mempunyai sokongan keluarga dan masih lagi boleh menyumbang dengan melakukan aktiviti di atas tanah yang mereka miliki di kampung. Rajah 2 menunjukkan peratusan responden yang hilang pekerjaan. Selain itu, ada responden yang mengatakan mereka sentiasa khawatir terkena jangkitan COVID-19. Kekhawatiran ini menyebabkan mereka belum lagi bersedia untuk bersosial dan menghadiri aktiviti yang melibatkan ramai orang. Kesukaran yang juga dihadapi semasa pandemik COVID-19 adalah untuk mendapat barang keperluan harian. Kira-kira 67.8 peratus daripada responden berdepan dengan masalah untuk mendapatkan bekalan asas makanan. Ini adalah kerana komuniti di kawasan kajian bergantung

kepada barangan seperti beras, gula, garam, minyak masak dan keperluan harian lain dari pekan atau bandar yang terdekat. Berdasar temubual dengan informan, apabila ada keperluan dalam kalangan penduduk kampung untuk mendapatkan bekalan asas makanan, mereka akan memilih dua atau tiga orang daripada mereka untuk turun ke pekan atau bandar berhampiran untuk mendapatkan bekalan tersebut.

Walaupun kelonggaran pergerakan khususnya dalam fasa PKPB dan PKPP telah mulai mengambil tempat namun, aktiviti pada masa ini masih hanya terbatas dalam kalangan keluarga yang berkongsi bumbung. Aktiviti seperti gotong royong, pergi ke gereja, kenduri kendara, bersukan, santai bersama orang kampung tidak dapat dijalankan. Limitasi dalam pergaulan antara penduduk kampung masih berterusan sehingga fasa kawalan pergerakan yang seterusnya. Impak kepada situasi ini ialah ramai responden berpendapat mereka tidak dapat menjalankan aktiviti sosial secara bebas. Sebahagian kecil mengaku mereka berdepan dengan masalah alkohol.



Rajah 2: Peratusan Responden Hilang Pekerjaan Semasa Pandemik COVID-19

Kesimpulan

Keupayaan untuk manusia bergerak dan kekompleksan keperluan serta jaringan pergerakan manusia menyebabkan kerajaan pada umumnya mengambil langkah yang tegas seperti *total lockdown* dan kawalan pergerakan berfasa dalam membendung penularan pandemik COVID-19. Dalam konteks ini, kawasan luar bandar walaupun tidak berdepan dengan penularan pandemik COVID-19 yang tinggi dan masih dalam situasi terkawal namun, kawasan ini dan komunitinya tidak boleh dilihat sebagai satu kawasan atau entiti yang terasing kerana hubungannya dengan kawasan dan komuniti sekitarnya adalah nyata dan dinamik. Keperluan pergerakan dari luar bandar ke kawasan bandar dan sebaliknya merangkumi dari keperluan asas sehinggalah keperluan ekonomi dan bukan ekonomi seperti bersosial dan berekreasi. Oleh yang demikian kawalan pergerakan yang dilaksanakan sepanjang tempoh pandemik COVID-19 telah

memberi kesan kepada penduduk di kawasan luar bandar tetapi dari berbeza tingkat bergantung kepada kemandirian kawasan tersebut khususnya melalui sokongan dari persekitarannya.

Melalui kajian yang dijalankan ini, jelas menunjukkan bahawa komuniti luar bandar mendapat impak secara langsung daripada penularan pandemik COVID-19. Walaupun begitu, dalam konteks kawasan kajian yang sifat sosio-ekonominya ringkas iaitu, tidak melibatkan tuai hasil untuk tujuan pemasaran pengkomersilan dan penduduk di kawasan kajian tidak terikat penuh kepada kawasan luar untuk beraktiviti sosial mahupun ekonomi, impak pandemik COVID-19 masih boleh ditangani walaupun sukar oleh komuniti setempat. Ini adalah kerana komuniti setempat masih boleh melakukan pergerakan ekonomi asas mereka iaitu dari rumah ke kebun dan akses kepada sumber hutan dan sungai untuk tujuan keperluan harian tetapi dengan jarak pergerakan yang terbatas. Ruang kebebasan beraktiviti dalam konteks terbatas yang diwujudkan oleh kebolehan kawasan kajian bermandiri dalam sesetengah perkara seperti menghasilkan sumber makanan hasil dari aktiviti bercucuk tanam, mendapat keperluan harian dari sumber hutan dan sungai, sedikit sebanyak mengurangkan impak pandemik COVID-19 kepada mereka.

Sungguhpun begitu, pengajaran yang perlu diambil dalam keadaan apa sekalipun untuk masa hadapan dalam mendepani pandemik COVID-19 adalah keperluan untuk memastikan komuniti luar bandar tidak terputus punca pendapatan dan bekalan makanan asas yang biasanya diperolehi dari pekan atau bandar terdekat diberikan keutamaan dalam perancangan langkah mendepani pandemik dan seterusnya dalam fasa pemulihan. Keupayaan kawasan luar bandar untuk bermandiri perlu diambil kira dalam berdepan dengan pandemik pada masa yang akan datang. Ini adalah penting untuk kelangsungan hidup komuniti di kawasan luar bandar dan mengurangkan impak pandemik di kawasan luar bandar.

Penghargaan

Artikel ini dihasilkan dengan dana Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) (Kod Geran: TLS2104) dan geran penyelidikan Skim Dana Khas COVID-19 Universiti Malaysia Sabah (kod geran: SDK0148-2020).

Rujukan

- Chan, S., Chiu F., & Lam, C. (2006). Elderly suicide and the 2003 SARS epidemic in Hong Kong. *Int J Geriatr Psychiatry*, 21(2),113-118. doi: 10.1002/gps.1432
- Hirsch, J. (2006). A review of the literature on rural suicide: risk and protective factors, incidence, and prevention. *Crisis*, 27(4),189-199.
- Hirsch, J., & Cukrowicz, K. (2004). Suicide in rural areas: an updated review of the literature. *J Rural Ment Heal*, 38(2), 65-78.
- Jones, K., Patel, N., Levy, M., Storeygard, A., Balk D., Gittlemen, J., & Daszak, P. (2008). Global trends in emerging infectious diseases. *Nature*, 451(7181), 990–993.
- Lindsey, L., Ryan, H., Talia, L., Lisa A., & Nathaniel V. (2020). Preventing suicide in rural communities during the COVID-19 pandemic. *Journal Rural Health*, 37(1), 179 – 184.
- Lou R., Liu C., Gao J., Wang T., Zhi H., Shi P., & Huang J. (2020). Impacts of the COVID-19 pandemic on rural poverty and policy responses in China. *Journal of Integrative Agriculture*, 19(12), 2946–2964.
- Marshall, H., Ryan, P., Robertson, D., Street, J., & Watson, M. (2009). Pandemic influenza and community preparedness. *American journal of public health*, 99 Suppl 2(Suppl 2), S365–S371. <https://doi.org/10.2105/AJPH.2008.153056>

- Morse, S. (1995). Factors in the emergence of infectious diseases. *Emerging Infectious Diseases*, 1(1), 7–15.
- Mueller, J., McConnell, K., Burow, P., Pofahl, K., Merdjanoff, A., & Farrell, J. (2021). Impacts of the COVID-19 pandemic on rural America. *Proceedings of the National Academy of Sciences*, 118(1), 1–6. <https://doi.org/10.1073/pnas.2019378118>
- Nash, D. (2020, April 20). *Coronavirus pandemic threatens to take crushing toll on rural areas, data show*. Diakses daripada laman web STAT: <https://www.statnews.com/2020/04/16/rural-communities-coronavirus-toll/>
- Newman, K. (2021). *Rural communities brace for coronavirus*. Diakses daripada laman web U.S.News & World Report: <https://www.usnews.com/news/healthiest-communities/articles/2020-03-23/rural-america-braces-for-coronavirus>
- Monteith, L., Holliday, R., Brown, T., Brenner, L., & Mohatt, N. (2021). Preventing Suicide in Rural Communities During the COVID-19 Pandemic. *The Journal of rural health : official journal of the American Rural Health Association and the National Rural Health Care Association*, 37(1), 179–184. <https://doi.org/10.1111/jrh.12448>
- Ranscombe, P. (2020). Rural areas at risk during COVID-19 pandemic. *The Lancet Infectious Diseases*, 20(5), 545. [https://doi.org/10.1016/S1473-3099\(20\)30301-7](https://doi.org/10.1016/S1473-3099(20)30301-7).
- Shafi M., Liu, J., Jian, D., Rahman I, U., Chen, X. (2021). Impact of the COVID-19 pandemic on rural communities: A cross-sectional study in the Sichuan Province of China. *BMJ Open* 2021, 11(e046745). doi: 10.1136/bmjopen-2020-046745.
- WHO. (2020a) *Statement on the second meeting of the international health regulations (2005) emergency committee regarding the outbreak of novel coronavirus (2019-ncov)*. Diakses pada 19hb Oktober 2021, daripada [https://www.who.int/news/item/30-01-2020-statement-on-the-second-meeting-of-the-international-health-regulations-\(2005\)-emergency-committee-regarding-the-outbreak-of-novel-coronavirus-\(2019-ncov\)](https://www.who.int/news/item/30-01-2020-statement-on-the-second-meeting-of-the-international-health-regulations-(2005)-emergency-committee-regarding-the-outbreak-of-novel-coronavirus-(2019-ncov)).
- WHO. (2020b). *WHO Director-General's opening remarks at the media briefing on COVID-19 - 11 March 2020*. Diakses pada 19hb Oktober 2021, daripada <https://www.who.int/dg/speeches/detail/who-director-general-s-opening-remarks-at-the-media-briefing-on-COVID-19---11-march-2020>.
- William, L., Timothy, J., Nathan, R., Peter, N., Ben L., & Derrick, T. (2020). Changes in recreational behaviors of outdoor enthusiasts during the COVID-19 pandemic: Analysis across urban and rural communities. *Journal of Urban Ecology*, 6 (1), 1 – 7.